

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Malaysia dan Singapura teroka inisiatif pacu Zon Ekonomi Khas

Malaysia, Singapura teroka inisiatif pacu Zon Ekonomi Khas

Penggunaan kod QR tanpa pasport di pusat pemeriksaan darat antara usaha awal

Johor Bahru: Malaysia dan Singapura sedia meneroka beberapa inisiatif bagi memacu Zon Ekonomi Khas (SEZ) Johor-Singapura, termasuk pelaksanaan perjalanan tanpa pasport di pusat pemeriksaan darat yang menggunakan sistem kod QR.

Melalui kenyataan bersama Kementerian Ekonomi serta Kementerian Perdagangan dan Industri Singapura, kedua-dua kerajaan berkata, ia antara inisiatif untuk menyokong pembangunan SEZ itu.

"Penggunaan dan pelaksanaan sistem pelepasan kod QR tanpa pasport di kedua-dua pihak akan memudahkan pelepasan penduduk di pusat pemeriksaan darat dengan lebih cepat," kata kementerian itu.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya dari Singapura, Lee Hsien Loong menyaksikan majlis menandatangani cadangan pelaksanaan SEZ Johor-Singapura yang membabitkan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Menteri Perdagangan dan Industri Singapura, Gan

Kim Yong. JS-SEZ dijangka meningkatkan lagi perdagangan antara Johor dan Singapura dan boleh berkembang maju seperti bandar raya Shenzhen di China, yang menjadi bukti kejayaan sebagai sebuah zon ekonomi khas.

Kedua-dua negara bekerjasama antara satu sama lain untuk mewujudkan zon ekonomi khas, bersebelahan dengan sempadan Singapura untuk memupuk hubungan perlakaan yang lebih kukuh dan meningkatkan hubungan antara kedua-dua negara, dalam rantau Asia Tenggara berrusaha untuk menangani kelebihan ekonomi global.

JS-SEZ dicadangkan Rafizi selepas pertemuan dengan kerajaan negeri Johor di Iskandar Puteri pada Mei tahun lalu dan kedua-dua negara bersetuju mengorak langkah lebih jauh dengan mewujudkan pasukan petugas khas untuk mengkaji penubuhan zon ekonomi khas itu pada Ju-

lah. Antara sektor disasarkan ialah elektronik, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan berkaitan perniagaan dan penjagaan kesihatan.

Manfaat pertumbuhan

Dalam pada itu, kedua-dua kerajaan menyurakan akayikinan bahawa SEZ Johor-Singapura akan memanfaatkan pertumbuhan Johor yang kukuh serta perlaban penting Singapura di rantau itu.

Pada 2022, Johor mencatat perlaban bernilai RM70.6 bilion merentasi pelbagai sektor termasuk elektrikal dan elektronik,



Anwar Hsien Loong menyaksikan majlis menandatangani cadangan pelaksanaan SEZ Johor-Singapura antara Rafizi dan Kim Yong di Johor Bahru, semalam.

(Foto REUTERS)

peranti perburatan, pengeluaran makaran serta pusat-pusat data.

Singapura pula pelabur asing kedua terbesar Johor bagi tempoh Januari hingga Jun 2022 dan menyumbang kira-kira 70 peratus daripada jumlah pelaburan langsung asing (FDI) negeri itu dalam sektor pembuatan.

Rafizi dalam pada itu menyifatkan kewujudan JS-SEZ memberi peluang besar bagi meningkatkan aliran rentas sempadan membabitkan pergerakan kargo serta rakyat, memacu ekosistem perlakaan serta meningkatkan daya tarikan ekonomi Johor dan Singapura.

"Saya yakin sepenuhnya inisiatif ini akan membuka fasa transformatif dalam hubungan ekonomi dua hala, memupuk ke-

salinghubungan dan kemakmuran yang tidak tandingan bagi kedua-dua negara hebat ini," katanya.

Menyentuh inisiatif lain, penyataan bersama itu berkata pernimuganaan dan pelaksanaan sistem pelepasan kod QR tanpa pasport pada kad di kedua-dua pihak pula bertujuan memudahkan urusan pelepasan orang ramai di pusat pemeriksaan darat secara lebih pantas.

Pelaksanaan proses digital bagi tujuan pelepasan kargo di pusat pemeriksaan darat serta aspek mudah cara kerjasama teknologi boleh bantu Malaysia-Singapura dalam SEZ itu juga menjadikan inisiatif awal bagi memacu pertumbuhan ekonomi.

Kim Yong pula berkata, SEZ

berperanan sebagai jambatan untuk kedua-dua negara saling memanfaatkan kekuatan masing-masing, selain merebut perluang bagi pertumbuhan bersama.

"Saya teruja dengan (impak) perjanjian SEZ serta manfaatnya untuk perlakaan serta rakyat kedua-dua negara," katanya.

Malaysia dan Singapura rakan dagang kedua terbesar satu sama lain pada 2022 yang menyaksikan dagangan dua hala tumbuh sebanyak 18.9 peratus tahun ke tamu kepada SGD\$153 billion.

Bagi tempoh sama, Singapura berperanan sebagai sumber utama FDI Malaysia dengan menyumbang sebanyak 20.5 peratus daripada keseluruhan FDI di negara ini.

BERNAMA